

→ KEJOHANAN

2,600 atlet, pegawai sertai SUKUM Ke-43

UMP jadi tuan rumah temasya sehingga 18 Ogos

Oleh Mohamad Azim
Fitri Abd Aziz
cnews@NSTP.com.my

Kuantan

Seramai 2,600 atlet dan pengurusan pasukan dari 21 kontinjen mewakili universiti awam (UA) bakal memeriahkan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) Ke-43 di Universiti

Malaysia Pahang (UMP) yang juga tuan rumah bagi temasya kali ini.

Kejohanan bermula hari ini sehingga 18 Ogos depan diadakan di pelbagai venue, iaitu Kompleks Sukan UMP Gambang serta beberapa lokasi di sekitarnya dan UMP Pekan.

Venue turut membabitkan Kompleks Sukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan; Stadium Sekolah Sukan Malaysia Pahang Gambang; Gelanggang Tenis Taman Gelora Kuantan; Gelanggang Lawn Bowls Indera Mahkota, SUKPA, Kelab Golf Diraja Pekan dan Megalanes Berjaya Megamall.

SUKUM mempertandingkan acara seperti futsal, basikal, olahraga, badminton, sepak takraw, catur, tenis, ping pong, boling padang, memanah, petanque, tenpin boling, golf, bola sepak, memancing, bola tampar dan bola jaring.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata selaku tuan rumah pihaknya sudah bersedia dari segi lokasi dan pengaturan untuk menerima kehadiran atlet dari seluruh universiti awam di negara ini.

Medan persaingan

"Kita mengalu-alukan ketibaan kontinjen yang akan bersaing dan mengharapkan kejohanan ini menjadi suatu medan persaingan sihat serta bersatu dalam acara sukan," katanya selepas menerima bendera kontinjen UMP daripada atlet tenpin boling, Syahir Ahmad Terjaya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi UMP merangkap Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid dan Pengurus Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd Rahman Safie.



Kita mengalu-alukan ketibaan kontinjen yang akan bersaing"

Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP

Dalam pada itu, Yuserrie berkata, UMP turut mempertaruhkan barisan atlet yang terbaik serta bersedia dari sudut fizikal dan mental memandangkan mereka bakal beraksi di laman sendiri.

Beliau turut melahirkan rasa bangga dengan penyertaan atlet teramai dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) diikuti Pusat Pengurusan dan Perkhidmatan Teknologi (CTMS) dan Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP (PSK) yang diharapkan mampu menyumbang pingat dalam kejohanan itu.

"UMP menyasarkan memenangi banyak pingat emas selain menjadi pasukan terbaik dalam SUKUM kali ini."

"Seramai 154 atlet lelaki dan 86 wanita UMP bakal beraksi dibantu 50 pengurus dan urus setia sebagai pegawai sokongan membabitkan 18 acara yang disertai," katanya.